

TALKING POINT
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN
PADA 1 JUN 2011
DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Satu Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ismail Daut, Timbalan Naib
Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Pemangku
Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pustakawan Kanan
UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta staf Universiti Malaysia Perlis yang saya dikasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

Hadirin sekalian,

Syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya titipkan buat staf UniMAP yang masih lagi memberikan sokongan kepada aktiviti senamrobik kita ini. Ini bukan hanya sebagai tempat untuk menyihatkan badan tetapi sebagai wadah untuk kita berkongsi maklumat dan pengetahuan akan isu-isu terkini yang berlaku di UniMAP.

Ladies and gentlemen,

Today is the first day of June and the month of May has passed packed with activities. Amongst others, the highlight of the event is the International Invention, Innovation Industrial Design and Technology Exhibition (ITEX) 2011 held from 20th – 22nd May 2011. I am indeed very delighted at the success shown by UniMAP's achievement as the Patron award winner amongst all other IPT and IPTS in Malaysia. CONGRATULATIONS. We were awarded 11 gold, 24 silvers

and 11 bronze medals. We have also taken the lead in Champion of MINDS for nurturing young scientists amongst school children in Perlis who have interacted with UniMAP. Congratulation to the ENVEX Young Researcher Club (EYReC) for their achievement. They won three gold and three silver medals in The Asian Young Inventors Exhibition (AYIE) which was a hundred percent success. AYIE was held concurrently with ITEX2011 at Kuala Lumpur Convention Centre. EYReC UniMAP is established with the aims to help young scientists of Institutions of Higher Learning and the schools to conduct quality research. This is one of the roles of UniMAP's contribution to the society and Perlis in general. This will further boost the talented young researchers to the higher level of competency.

Hadirin sekalian,

Bila dimaklumkan bahawa saya dinobatkan sebagai Champion of MINDS, saya berasa sangat gembira dan bersyukur kerana diberikan anugerah itu dan ini adalah bukan usaha saya seorang tetapi usaha seluruh warga UniMAP yang ada di hadapan saya ini. Ini adalah hasil kerja keras kita selama ini. Berikan tepukan yang gemuruh buat seluruh warga UniMAP.

Selain dari itu, UniMAP turut tidak ketinggalan untuk meraih anugerah Best Green Invention 2011 melalui produk A New Potential Organo Metallic Conductive Polymer As A Sensor For

BTEX Detector oleh Dr. Supri A. Ghani dan kumpulan penyelidikannya.

Hadirin sekalian,

Saya berasa lebih berbangga kerana UniMAP menjadi perintis Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di zon utara yang menganjurkan Kejohanan Liga Besbol Piala Raja Muda Perlis bermula dari 25 hingga 29 Mei 2011 lalu di Kompleks Sukan Negeri Perlis. Ini adalah hasil kerjasama Persekutuan Besbol Malaysia, Kementerian pengajian Tinggi Malaysia dan juga Majlis Sukan Negeri Perlis. Saya berharap agar langkah pertama kita dalam penganjuran ini adalah permulaan langkah yang baik untuk UniMAP dan negeri Perlis dalam usaha memartabatkan sukan ini.

Walaupun pada penganjuran kali ini, kita hanya sekadar di tempat ke-4, saya percaya kita akan dapat memperbaiki keputusan tersebut pada tahun hadapan. InsyaAllah. Kita menganjurkan kejohanan besbol ini adalah sebagai usaha untuk melahirkan atlit pelapis dalam sukan besbol. Selain menyemarakkan minat golongan mahasiswa terhadap sukan ini, saya percaya sukan ini mempunyai masa depan yang cerah di peringkat antarabangsa. Berangkat merasmikan Perasmian Penutup Kejohanan ini adalah Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail merangkap Tuanku

Canselor UniMAP. Baginda juga berkenan untuk melancarkan Persatuan Besbol Perlis. Baginda ada melahirkan hasrat untuk memajukan sukan ini di negeri Perlis. Oleh itu, secara tidak langsung UniMAP juga bertanggungjawab untuk turut bersama menaikkan sukan besbol di negeri Perlis ini. Semoga hasrat murni kita ini akan diberkati oleh Allah S.W.T. Amin.

Hadirin sekalian,

Pada 5 Jun nanti, kita akan menerima kemasukan pelajar Diploma bagi mengikuti sesi pengajian di UniMAP adalah seramai 360 bersamaan 60 pelajar bagi setiap program pengajian. Seperti yang semua sedia maklum, UniMAP menawarkan 6 program diploma dan kita mengharapkan agar jumlah pelajar yang mendaftarkan akan mencapai jumlah maksimum yang telah kita tetapkan.

Pada sesi kemasukan diploma kali ini, saya tidak akan dapat bersama-sama anda sekalian kerana akan berada di Ireland bagi menghadiri program **The 1st International Malaysia-Ireland Joint Symposium On Engineering, Science And Business (IMieJS)** akan berlangsung 9 Jun hingga 11 Jun 2011 di Athlone Institute of Technology, Ireland. Oleh itu, saya berharap agar Majlis Pendaftaran Pelajar Diploma siding akademik 2011/2012 akan berjalan dengan lancar. Laksanakan majlis tersebut dengan sebaiknya seperti yang

pernah anda laksanakan ketika saya menghadirinya. Saya tidak mahu ada kekurangan atau perbezaan semasa ketiadaan saya nanti. Sambutlah para pelajar itu dengan sebaiknya kerana mereka adalah pelanggan kita.

Hadirin sekalian,

Rasanya tidak perlu untuk saya bercakap panjang pada pagi ini. Saya sudah ucapan saya pada pagi ini dengan serangkap pantun:

**Zapin tarian, zaman berzaman,
Menjadi lambang, budaya bangsa,
Sambutlah mereka, dengan senyuman,
Agar menjadi sebutan, sepanjang masa.**

Sekian. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.
Terima kasih.